

Ruj Kami : ECE/LTR/DINNER/2025/42
Tarikh : 27 Mei 2025
Hijrah : 29 Zulkaedah 1446H

KEPADA YANG BERKENAAN

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

JEMPUTAN PENYERTAAN DAN PENAJAN MAJLIS SANTAPAN MALAM DIRAJA SEMPERA "EAST COAST ENERGY 2025"

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa satu Majlis Santapan Malam Diraja sempena penganjuran "East Coast Energy 2025" (ECE 2025) akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 22 Jun 2025 (Ahad)
Masa : 08.00 malam
Tempat : Dewan Gamelan, Primula Beach Hotel, Kuala Terengganu

3. Majlis penuh istiadat serta gilang-gemilang ini akan diserikan dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu yang telah berkenan mencemar duli ke majlis berkenaan bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Terengganu dan Duli Yang Teramat Mulia Yang di-Pertuan Muda Terengganu.

4. Untuk makluman YBhg. Dato'/Tuan/Puan, Majlis Santapan Malam Diraja bertujuan untuk mengumpul dana bagi menyokong pelaksanaan inisiatif kebajikan di samping menjadi platform eksklusif untuk merapatkan hubungan strategik antara pemain industri, penggubal dasar serta komuniti tenaga. Majlis ini dijangka menghimpunkan lebih 400 tetamu kehormat yang terdiri daripada pemimpin industri tenaga, pihak berkuasa, ahli akademik, wakil agensi dan tokoh masyarakat, khususnya dari wilayah Pantai Timur.

5. Sehubungan itu, pihak kami amat berbesar hati untuk menjemput YBhg. Dato'/Tuan/Puan menyertai serta menyokong penganjuran majlis sebagai penaja rasmi menerusi pakej penajaan yang telah disediakan. Setiap pakej menawarkan pelbagai keistimewaan termasuk tempat duduk eksklusif berhampiran Meja Diraja, paparan logo organisasi di platform digital dan fizikal, penghargaan dalam ucapan rasmi serta cenderamata eksklusif.

6. Untuk rujukan dan tindakan lanjut pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan, dilampirkan bersama brosur yang memperincikan maklumat tentang majlis dan manfaat setiap kategori penajaan. Sebarang pertanyaan atau pengesahan penyertaan boleh dikemukakan kepada **Encik Rusdi Ngah (012-287 2721)**, **Encik Mohd Hakimi Samsudin (013-968 4349)** atau **Encik Ahmad Azri Ahmad Jamil (013-367 6232)**.

Kerjasama serta sokongan baik daripada pihak YBhg. Dato' dalam amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan setinggi-tinggi terima kasih.

Sekian, wassalam.

"TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA"
"INNOVATING ENERGY, ELEVATING EAST COAST"

Yang Menjalankan Amanah,



DR. TS. HJ. MUHTAR BIN SUHAILI
Pengerusi, Jawatankuasa Kerja
East Coast Energy 2025